


# Mahkamah Harta Intelelek beroperasi bulan depan

Oleh HELMI MOHD FOAD

**PUTRAJAYA** 20 Jun – Mahkamah Harta Intelek Malaysia yang diluluskan penubuhannya oleh Kabinet pada 6 Jun lalu akan beroperasi sepenuhnya di seluruh negara mulai bulan depan, menjadikan Malaysia sebagai negara kedua di ASEAN selepas Thailand mempunyai mahkamah seumpama itu.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Mohd. Shafie Apdal berkata, sebanyak 15 buah Mahkamah Sesyen Harta Intelek yang dikhususkan untuk mendengar dan membicarakan kes-kes jenayah harta intelek diwujudkan di setiap ibu negeri termasuk Putrajaya.

Menurutnya, enam buah Mahkamah Tinggi dengan bidang kuasa sivil dan rayuan pula akan bersidang sebagai sebuah mahkamah khas di negeri-negeri yang



**MOHD. SHAFIE APDAL**

mempunyai banyak kes harta intelek membabitkan Kuala Lumpur, Selangor, Johor, Perak, Sabah dan Sarawak.

“Dengan adanya mahkamah tersebut, ia bukan sahaja akan mempercepatkan proses pengendalian kes-kes pelanggaran harta

intelek malah kita akan memperoleh kepakaran dari perundangan seperti hakim dan peguam, sekali gus akan meletakkan negara kita di landasan yang setanding dengan negara luar dari segi kelengkapan bagi memutuskan kes-kes berkenaan.

“Kita yakin dengan kewujudan mahkamah itu akan menyakinkan para pelabur dan masyarakat antarabangsa bahawa kita amat serius dalam memberikan perlindungan hak harta intelek di negara ini,” kata beliau pada sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat pasca-Kabinet bagi menteriannya di sini hari ini.

Menurut Shafie, penguatkuasaan undang-undang harta intelek adalah merangkumi bidang kuasa dalam Akta Perihal Dagangan 1972, Akta Cap Dagangan 1976, Akta Paten 1983, Akta Reka Bentuk Perindustrian 1996, Akta Reka Bentuk Susun Atur Litar Bersepadu 2000, Akta Petunjuk

UM: U hamis 21/6/2007

Geografi 2000 dan Akta Cakera Optik 2000.

Beliau berkata, pada masa ini, projek Mahkamah Harta Intelek perintis telah dilaksanakan di Mahkamah Sesyen Jenayah 4, Kuala Lumpur bagi mendengar secara khusus kes-kes jenayah harta intelek mulai 1 Januari tahun lalu.

Beliau berkata, mahkamah tersebut telah menunjukkan bahawa ia boleh mendengar dan melupuskan kes-kes dengan lebih efektif dan cepat.

“Pada tahun 2006, sebanyak 99 kes dapat dilupuskan dengan jayanya dan dengan penubuhan Mahkamah Harta Intelek nanti, lebih banyak kes-kes harta intelek akan dapat dilupuskan dengan lebih cepat,” kata beliau.

Katanya, penubuhan mahkamah berkenaan adalah tepat pada waktunya memandangkan kes-kes baru dijangka meningkat setelah pindaan Akta Hak Cipta

1987 pada 15 Ogos 2003 memberikan kuasa kepada pegawai kementerian untuk menangkap pesalah yang terlibat dalam jenayah harta intelek.

“Dengan ini, penguatkuasaan akan dapat dilaksanakan dengan lebih efektif apabila banyak serbuan telah dilakukan dengan jayanya.

“Oleh itu, adalah dijangkakan kes-kes pelanggaran di bawah Akta Hak Cipta 1987 dan Akta Perihal Dagangan 1972 akan terus meningkat dan kemungkinan menyebabkan tunggakan kes di mahkamah,” katanya.

Dalam hal ini, beliau berkata, data pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah menunjukkan terdapat 515 kes tertunggak di Mahkamah Majistret sehingga 30 Jun tahun lalu manakala sebanyak 1,030 kes lagi di Mahkamah Sesyen dan 67 kes di Mahkamah Tinggi sehingga 31 Disember 2006.